

CNS9006

U GB 09-09 00148 BA872

bah

BENTENKAN DIRI DENGAN SIFAT-SIFAT MULIA, KATA MAHATHIR

Mahathir - Maulidur

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata umat Islam harus mencontohi dan mengamalkan sifat-sifat mulia yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad untuk menguatkan ketahanan diri bagi mencapai kecemerlangan dalam kehidupan.

Sejarah telah membuktikan bahawa sifat-sifat kenabian seperti sidiq (benar), amanah, tabligh (yang menyampaikan) dan fatanah (bijaksana) merupakan ciri-ciri penting untuk mencapai kecemerlangan.

+Jika empat sifat ini dihayati dan dilaksanakan dalam kehidupan seharian kita, saya yakin kita akan berupaya mencapai kecemerlangan dalam semua bidang kehidupan seperti yang dicita-citakan,+ katanya sewaktu berucap pada majlis perhimpunan sambutan Maulidur Rasul peringkat kebangsaan di Dataran Merdeka di sini hari ini.

Sambutan secara besar-besaran itu disertai kira-kira 16,000 orang.

Dr Mahathir berkata, nilai-nilai mulia yang diterapkan oleh kerajaan dalam pentadbiran negara didasarkan kepada nilai-nilai tersebut. -- Lagi

▼09/09/11-29MST

CNS9021

U GB 09-09 00153 BA877

bah

Mahathir - Maulidur 2 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berharap pemimpin masyarakat, pentadbir, golongan profesional dan seluruh umat Islam akan mencontohi tingkah laku Rasulullah dalam setiap tindak tanduk mereka.

Umat Islam harus sedar bahawa sifat-sifat mulia itu dan usaha bersungguh-sungguh tanpa mengenal jemu dan putus asa merupakan kunci kepada segala kejayaan dan Rasulullah adalah contoh ikutan yang sebaiknya.

Sifat-sifat mulia ini juga akan menjadi benteng bagi umat Islam daripada dipengaruhi oleh budaya yang buruk.

+Melalui peralatan yang canggih seperti satelit, segala apa yang berlaku di dunia luar boleh terus dilihat di rumah kita...bagi melawan arus ini, kita tidak lagi mampu atau boleh berbuat peraturan untuk menyekat orang lain daripada mengembangkan nilai-nilai dan budaya buruk di kalangan kita,+ katanya.

Sehubungan itu, pegangan kepada nilai-nilai mulia yang boleh mengukuhkan ketahanan diri sendiri akan menjadi penapis dan pendinding kepada pengaruh berkenaan, katanya. -- Lagi

▼09/09/11-57MST

CNS9023

U GB 09-09 00175 BA878

bah

Mahathir - Maulidur 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata perpaduan di kalangan umat Islam penting dalam usaha mencapai kesejahteraan hidup di dunia.

+Orang yang tidak mengutamakan perpaduan jelas mementingkan diri sendiri sahaja...mereka hanya menonjolkan identiti kumpulan dan perkara-perkara yang bersifat individualistik dan sementara.

+Inilah penyakit yang sukar untuk diubati dalam masyarakat Islam hari ini. Jika perkara-perkara seperti ini terus menguasai kita, maka masalah yang lebih besar tidak akan dapat diputuskan,+ katanya

Dr Mahathir mengajak umat Islam membetulkan tekad dengan menumpukan kepada soal-soal yang lebih utama ke arah kecemerlangan umat dan sekaligus mengetepikan segala unsur yang memecahbelahkan perpaduan.

Setiap umat Islam mesti mempunyai fikiran yang lebih terbuka, mempunyai kemahuan yang kuat untuk maju dan melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan luas yang berdaya maju, mempunyai daya tahan serta daya saing yang unggul, katanya.

+Jika umat Islam masih tidak mahu atau tidak sanggup menyaingi arus kemajuan ini, maka selama-lamanyalah mereka akan lemah, akan ditindas dan mungkin dipisahkan oleh agama mereka,+ katanya. -- Bernama

▼09/09/12-02MST